

## BAHAGIAN IV

### HAK-HAK DAN LIABILITI-LIABILITI ANGGOTA-ANGGOTA

#### 26. Kelayakan untuk menjadi anggota

Untuk layak menjadi anggota dalam sesuatu koperasi asas, seseorang mestilah

- (a) seseorang warganegara Malaysia;
- (b) telah mencapai umur lapan belas tahun atau, dalam hal sesuatu koperasi sekolah, telah mencapai umur dua belas tahun; dan
- (c) bermastautin atau bekerja atau mempunyai tanah dalam kawasan operasi koperasi asas itu atau, dalam hal koperasi sekolah, menjadi penuntut berdaftar sekolah itu.

#### 27. Hilang kelayakan untuk menjadi anggota

Tiada seorang pun layak masuk menjadi anggota sesuatu koperasi jika

- (a) dia tak upaya dari segi mental;
- (b) dia ialah seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) dia ialah seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar;
- (d) dia telah dibuang daripada menjadi anggota di bawah Akta ini dan suatu tempoh selama satu tahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu.

#### 28. Anggota-anggota tidak boleh menggunakan hak sehingga dibuat bayaran wajar

Tiada anggota sesuatu koperasi boleh menggunakan hak-hak sebagai anggota melainkan jika dan sehingga dia telah membuat apa-apa bayaran kepada koperasi itu berkenaan dengan keanggotaannya atau telah memperoleh apa-apa kepentingan dalam koperasi itu sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan atau melalui undang-undang kecil koperasi itu.

#### 29. Sekatan keanggotaan dalam koperasi - dimansuhkan -

#### 30. Undi anggota-anggota

(1) Tiada anggota atau perwakilan anggota-anggota mana-mana koperasi boleh mempunyai lebih daripada satu undi dalam perjalanan hal-ehwal koperasi itu, dan dalam hal kesamarataan undi pengerusi tidak boleh mempunyai undi pemutus.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), anggota sesuatu koperasi menengah atau atasan boleh mempunyai kuasa-kuasa mengundi yang diperuntukkan oleh undang-undang kecil koperasi menengah atau atasan itu.

(3) Tertakluk kepada seksyen 31 dan 36, tiada anggota boleh mengundi melalui seorang anggota lain dan tiada perwakilan boleh mengundi melalui perwakilan lain.

### **31. Pengundian melalui proksi**

Anggota sesuatu koperasi menengah atau atasan boleh melantik mana-mana perwakilannya, yang mestilah anggota Lembaganya, sebagai proksinya bagi maksud mengundi dalam perjalanan hal-ehwal koperasi menengah atau atasan itu.

### **32. Kontrak anggota kanak-kanak dengan koperasi**

Walaupun perenggan 26(b), seorang kanak-kanak yang diterima sewajarnya sebagai anggota mana-mana koperasi boleh menyempurnakan apa-apa surat cara atau memberi apa-apa penjelasan yang perlu disempurnakan atau diberikan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan, dan statusnya sebagai seorang kanak-kanak tidaklah menjadi suatu alasan bagi menidaksahkan atau mengelakkan apa-apa kontrak yang dibuat olehnya dengan koperasi itu, sama ada sebagai prinsipal atau sebagai penjamin, dan boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang.

### **33. Sekatan ke atas pemegangan saham**

Tiada anggota, selain daripada suatu koperasi, boleh memegang lebih daripada satu perlima modal syer mana-mana koperasi.

### **34. Sekatan atas pemindahan atau gadaian syer atau yuran atau kepentingan**

Pemindahan atau gadaian syer atau yuran atau kepentingan seseorang anggota atau bekas anggota atau anggota yang mati dalam modal sesuatu koperasi hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat tentang pemegangan maksimum sebagaimana yang ditetapkan melalui atau di bawah Akta ini.

#### **34A. Liabiliti anggota terhad oleh yuran atau syer**

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), liabiliti seseorang anggota, anggota sekarang atau bekas anggota, sesuatu koperasi hendaklah setakat nilai nominal apa-apa syer yang dipegang, atau dilangani, olehnya.

(2) Jika dalam undang-undang kecil sesuatu koperasi amaun liabiliti seseorang anggota dinyatakan lebih besar daripada nilai nominal apa-apa syer yang dipegang atau dilangani olehnya, maka liabiliti anggota itu hendaklah setakat amaun yang lebih besar itu.

### **35. Liabiliti bekas anggota dan harta pusaka atas hutang-hutang koperasi**

(1) Liabiliti seseorang bekas anggota sesuatu koperasi atas hutang-hutang koperasi itu dalam pengehadan yang diperuntukkan dalam seksyen 34A, sebagaimana yang ada pada tarikh dia terhenti menjadi anggota tidaklah berterusan melebihi tempoh dua tahun dikira dari tarikh itu.

(2) Harta pusaka seseorang anggota sesuatu koperasi yang mati tidaklah bertanggung bagi hutang-hutang koperasi itu, sebagaimana yang ada pada tarikh dia mati, melebihi tempoh dua tahun dikira dari tarikh dia mati.